

BERITA HARIAN

DATE: 7/12/2007

PM gembira kajian pilihan raya adil

BH- 7/12/2007

Oleh Mohd Anwar Patho
Rohman dan Fazallah Pit

G EORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira dengan hasil kajian oleh dua badan antarabangsa yang mendapati proses pilihan raya di Malaysia paling bebas dan adil di kalangan negara Asia.

Perdana Menteri berkata, hasil kajian itu membuktikan sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia selama ini adil dan demokratik.

"Laporan itu menunjukkan rakyat mengetahui bahawa hak mereka untuk mengundi tidak pernah dinafikan dan mereka memahami kerajaan yang dipilih, ditentukan rakyat.

"Secara perbandingan kita mencapai sasaran yang kita boleh berbangga dengannya. Saya gembira dengan laporan itu dan ia bagus. Mung-

kin ada yang tidak gembira tetapi saya pasti ramai yang gembira.

"Inilah apa yang saya percaya kerana saya sudah lama dalam politik, malah sebelum jadi ahli politik, pilihan raya adalah perkara yang semua orang minat," katanya akhbar selepas merasmikan Ekspo dan Persidangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Wilayah Pembangunan - Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Kelmarin, TNS dan Gallup International dalam kenyataan bertajuk 'Kaji Selidik: Demokrasi di Asia', menjelaskan hasil kaji selidik itu mendapati rakyat negara ini bukan saja antara penyokong kuat demokrasi di

Asia, malah mempunyai keyakinan paling tinggi bahawa pilihan raya di Malaysia adalah bebas dan adil.

Kajian itu dijalankan antara Jun hingga Ogos lalu membabitkan 60,000 rakyat di 56 negara Asia.

Perdana Menteri berkata, hasil kajian itu mencerminkan aspirasi rakyat yang mahukan kemajuan, keadilan, keadilan, kemakmuran dan kehidupan yang aman untuk menikmati hidup yang lebih selesa.

"Kita mementingkan rakyat dan rakyat percaya anak mereka boleh membesar dengan baik di negara ini menerusi pelbagai peluang yang ditawarkan kerajaan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan masih perlu melakukan lebih banyak pembangunan untuk rakyat dan yang terbaru mewujudkan inisiatif koridor ekonomi di luar kawasan Lembah Klang.

"Wilayah lain perlu dimajukan kerana kita tidak mahu kejayaan hanya di Lembah Klang sebaliknya di seluruh negara. Setiap wilayah diberi suntikan dan input tambahan supaya tidak ada lompang pembangunan," katanya.

Ditanya kemungkinan pilihan raya semakin hampir berikutan laporan itu, Abdullah sambil berseloroh berkata: "Apa you all susah ni. Orang kata pada Pak Lah, you ada lebih setahun mandat nak laksanakan, apa yang you nak buat. Saya kata, ya ke, terima kasih kerana beritahu."

Mengenai calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding, beliau berkata: "Yang baru ramai, yang lama pun ramai, pening kepala saya. Berapa peratus muka baru dan muka lama, tak tahu lagi."

Beliau enggan mengulas apabila ditanya sama ada pilihan raya diadakan selepas musim haji.